

BAHAGIAN A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

1 Jadual berikut berkaitan dengan bahasa pertuturan beberapa etnik di Alam Melayu.

☐

Bahasa Melayu (Malaysia)	Bahasa Melayu (Brunei)	Tagalog (Filipina)
Empat	Ampat	Apat
Lima	Lima	Lima

Mengapakah terdapat persamaan bunyi perkataan tersebut?

- A Bahasa yang serumpun
- B Asal usul masyarakat sama
- C Ikatan kekeluargaan pemerintah
- D Kedudukan negeri bersempadan

2 Kawasan berikut berjaya dikuasai oleh Srivijaya pada abad kelapan.

☐

- Selat Melaka
- Selat Sunda

Apakah kepentingan penguasaan kawasan tersebut kepada Srivijaya?

- A Meluaskan penyebaran agama Hindu
- B Menghalang serangan tentera Chola
- C Mengutip cukai di pelabuhan utama
- D Muncul kuasa perdagangan utama

3 Apakah faktor kemasyhuran kerajaan Gangga Negara?

☐

- A Kedudukan strategik
- B Kekayaan hasil bumi
- C Kewibawaan pemimpin
- D Kedaulatan undang-undang

4 Mengapakah kerajaan Alam Melayu menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan di China?

☐

- A Menyebarkan agama
- B Menguasai bahan mentah
- C Mengukuhkan kedudukan
- D Mendapatkan tenaga kerja

5 Gelaran berikut digunakan oleh pemerintah kerajaan Alam Melayu.

☐

- Raja di Gunung
- Maharaja di Pulau

Manakah antara kerajaan berikut yang menggunakan gelaran tersebut?

- A Funan
- B Champa
- C Srivijaya
- D Majapahit

6 Bagaimanakah kerajaan Majapahit berusaha meningkatkan pengeluaran padi?

- ☐ A Menambah jumlah pekerja
B Membina sistem pengairan
C Menggunakan benih berkualiti
D Mengamalkan tanaman bergilir

7 Manakah antara berikut merupakan kemudahan yang disediakan di pelabuhan kerajaan Alam Melayu?

- ☐ I Tukaran wang
II Rawatan kesihatan
III Kawasan berjual beli
IV Menyimpan barang dagangan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Senarai berikut menunjukkan kawasan hutan yang kaya dengan hasil gaharu.

- ☐ • Sungai Mekong
• Tanah Melayu
• Sumatera

Apakah kegunaan utama hasil hutan tersebut?

- A Perencah makanan
B Perhiasan wanita
C Bahan pewangi
D Bahan binaan

9 Bahasa Melayu yang digunakan oleh masyarakat kerajaan Srivijaya dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit.

- ☐ Bagaimanakah hal ini dapat dibuktikan?
A Penulisan karya-karya kesusasteraan
B Penemuan batu-batu bersurat
C Inskripsi pada dinding candi
D Jumpaan salinan manuskrip

10 Batu bersurat berikut telah ditemui di Srivijaya pada abad ketujuh.

☐ Karang Brahi

Apakah yang dicatatkan pada batu bersurat tersebut?

- A Pengamalan doa
B Perkahwinan diraja
C Pengukuhan kerajaan
D Penggubalan undang-undang